

# Melayu P. Pinang perlu nilai diri semula — PM

Oleh **ASUKI ABAS**

**KUALA LUMPUR 26 Ogos** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, orang Melayu Pulau Pinang perlu menilai diri semula sama ada mereka telah menggunakan peluang ekonomi yang diberikan dengan sebaik-baiknya bagi kemajuan bangsa.

Perdana Menteri berkata, orang Melayu tidak seharusnya cepat menyalahkan orang lain jika mereka terpinggir sebaliknya perlu mencari punca kelemahan dalam diri mereka dahulu.

“Kita selalunya mengatakan bahawa orang lain sahaja yang jahat (sedangkan) kita kena tanya diri kita apakah kita jalankan tugas dengan baik.

“Kerajaan sudah berikan peluang ekonomikukup banyak, hukannya tak ada (tetapi) yang ke-

rajaan berikan itu kadang-kadang dia berikan pula kepada orang lain,” kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan Amanat Presiden pada Majlis Penerangan Tatacara Mesyuarat dan Pemilihan Pergerakan Pemuda UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Perdana Menteri menengulas laporan *Utusan Malaysia* hari ini mengenai kehimbangan orang Melayu Pulau Pinang menerima nasib yang sama seperti orang Melayu di Singapura sekiranya kerajaan negeri itu tidak mengamhikira kebajikan orang Melayu dalam menyusun pembangunan.

Dalam laporan tersebut, Ketua UMNO Bahagian Tanjung Datuk Ahmad Ibnu Hajar berkata, kerajaan negeri Pulau

Pinang tidak mempedulikan orang Melayu dalam pembangunan memandangkan mereka adalah kaum minoriti di negeri itu.

Beliau mendakwa, hampir 95 peratus projek pembangunan khususnya bandar baru dibolot oleh bukan Melayu termasuk kuota 30 peratus yang diperuntukkan kepada Bumiputera.

## Hartanah

Menurut Dr. Mahathir, mereka yang mendakwa terdapat kuota hartanah bumiputera diherikan kepada bukan Melayu harus menunjukkan bukti bahawa ia berlaku.

Perdana Menteri berkata, orang Melayu sebenarnya belum sedar bahawa mereka bukan setakat akan terpinggir di Pulau Pinang malah di seluruh negara sekiranya mereka tidak bersatu padu.

“Kalau kita berpecah belah, tidak berusaha, asyik mempertikaikan itu dan ini, bergaduh dengan Pas sehingga tidak bersatu padu, ada kemungkinan (kita akan terpinggir) bukan sahaja di Pulau Pinang malah seluruh Malaysia,” tegasnya.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia hampir menjadi seperti Singapura pada 1930-an semasa kaum pendatang menjadi penduduk majoriti di negara ini.

“Kalau keadaan itu berterusan bermakna masa kemerdekaan kita tidak berkuasa dalam negeri kita sendiri, tetapi orang Melayu (sekarang) tidak juga sedar.

“Sebelum ada Pas orang Melayu semua bersatu padu dalam UMNO, tidak ada masalah (tetapi) bila ada Pas...ada mereka pun berpecah,” ujar Perdana Menteri.

Mengenai laporan bahawa sentimen anti-Malaysia semakin meningkat di kalangan rakyat Indonesia, Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa kerana perlu bertanggung jawab terhadap keselamatan rakyat negara ini.

“Kita hendak buat macam mana kerana orang ini (pendatang tanpa izin Indonesia) yang datang ke sini tanpa surat yang sah, terlibat dalam pelbagai jenayah termasuk membunuh.

“Kita ada tanggungjawab kepada rakyat kita (tetapi) kalau orang tidak suka dengan kita apa kita nak hunt?,” soalnya.

Selain itu, media turut memainkan peranan untuk menguatkan lagi sentimen anti Malaysia, tambah Perdana Menteri.